

09/10/2002

Chhattigarh jadikan Malaysia model

KUALA LUMPUR, Selasa - Chhattigarh, negeri ke-26 di India, mahu menjadikan Malaysia sebagai model pembangunan ekonominya, termasuk dalam sektor pertanian dan infrastruktur.

Sehubungan itu, Ketua Menterinya, Ajit Jogi, meminta bantuan kerajaan serta sektor swasta negara ini bagi melaksanakan pelbagai projek di negeri itu, yang kaya dengan pelbagai sumber semula jadi tetapi belum diterokai sepenuhnya.

"Saya amat kagum dengan kejayaan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) membangunkan negara ini sejak dua dekad lalu," katanya selepas menemui Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu hari ini.

Jogi bersama delegasi lima pegawainya yang tiba di Malaysia Sabtu lalu, mengadakan perbincangan hampir sejam dengan Samy Vellu dan wakil beberapa syarikat swasta. Delegasi dari Chhattigarh itu akan berlepas ke Hong Kong esok.

Chhattigarh diwujudkan sebagai negeri berasingan pada 1 November 2000 berikutan persempadanan semula Madhya Pradesh pada awal 2000. Negeri seluas 135,000 kilometer persegi itu, mempunyai 21 juta penduduk.

Jogi berkata, pihaknya memberi tumpuan terhadap pembangunan infrastruktur, terutama pembinaan jalan dan pusat pentadbiran mirip Putrajaya, selain menerokai sektor perladangan sawit serta buah zaitun kerana Chhattigarh masih mempunyai banyak tanah pertanian yang belum digunakan.